

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]

TARIKH : 2.4.2014

SOALAN :

Y.B. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memberikan kuasa otonomi kepada IPTA - IPTA di Malaysia memandangkan Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin Shah, pun menitahkan bahawa kecemerlangan sesebuah IPT bergantung kepada dua pendekatan utama yang diamalkan iaitu menghargai otonomi intelek dan memiliki kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mensasarkan semua 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk menjalani Audit Kesediaan Autonomi menjelang tahun 2015. Proses pemberian status autonomi ini telah bermula pada tahun 2012 secara berperingkat.

Pada masa ini, terdapat tujuh (7) buah IPTA yang telah diberi status autonomi, iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Kesemua uniniversiti ini telah diaudit oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi menilai tahap kesediaan mereka untuk memulakan projek rintis ini dan telah

diberikan status autonomi pada tahun 2012. Hal ini diikuti dengan Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2013.

Pengauditan adalah bersandar kepada Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik *Code of University Good Governance* (CUGG) yang menggunakan indeks penilaian, iaitu *University Good Governance Index* (UGGI) sebagai instrumen penilaian. Empat (4) komponen utama yang diaudit ialah aspek governan ataupun tadbir urus dalam aspek institusi, kewangan dan penjanaan kekayaan, sumber manusia serta akademik dan kemasukan pelajar.

Rjm101

NO. SOALAN: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan status projek Petronas di Kanada dan apakah kerugian yang ditanggung oleh Petronas sekiranya ada.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pacific Northwest LNG yang dipelopori oleh PETRONAS di Kanada sedang berjalan lancar dan ia adalah di antara projek Gas Asli Cecair (LNG) yang paling ke hadapan di Kanada. Melalui projek ini, PETRONAS bercadang membina dua loji LNG dengan kapasiti 6 juta tan setahun dengan potensi penambahan loji ke tiga juga dengan 6 juta tan setahun. Projek ini dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun 2018. LNG yang diproses akan dieksport dan dijual pada harga pasaran yang lebih tinggi di Asia.

Pada Disember 2013, projek ini telah mendapat kelulusan lesen eksport LNG daripada National Energy Board (NEB) Kanada untuk tempoh pengeksportan selama 25 tahun. Projek ini sedang dalam proses mendapatkan kelulusan bagi Kajian Impak Alam Sekitar. Tiga konsortium dari kontraktor-kontraktor antarabangsa sedang bertanding dan menjalankan kerja-kerja rekabentuk dan kejuruteraan awal bagi projek ini dan dijangka menghantar bidaan masing-masing pada suku ke-3 tahun ini.

Kerja-kerja penggerudian dan pentarafan rizab gas pada tahun 2013 sangat memberangsangkan. Berdasarkan laporan penilai rizab berkecuali, rizab 2P PETRONAS di Kanada telah meningkat ke 8.35 TCF iaitu peningkatan 211% hanya dalam masa setahun selepas PETRONAS membeli syarikat Progress Energy.

PETRONAS juga telah berjaya membawa masuk tiga pelabur ke dalam projek ini iaitu Japex Petroleum Exploration Co. Ltd., PetroleumBRUNEI dan Indian Oil Corporation Ltd. dengan jumlah peratusan pelaburan masing-masing 10%, 3% dan 10%. Beberapa syarikat gergasi di Asia juga sedang dalam proses akhir rundingan perjanjian dan dijangka memeterai perjanjian pelaburan pada tahun ini. Rundingan pelaburan dengan syarikat-syarikat tersebut adalah atas dasar komersil dan menunjukkan potensi besar dan nilai tinggi pelaburan PETRONAS di Kanada.

Sekian, terima kasih.